



salam@uitm



ISO 9001:2000 No. Sijil KLR 0404089

Bil. 03 Julai - Sept 2017
<http://www.uitm.edu.my>

Buletin UiTM berwajah baharu !

UiTM *di hatiku*





25 September 2017- bertempat di Dewan Seri Budiman telah berlangsung Seminar Pentadbir UiTM 2017 dan Pelancaran Anugerah Pentadbir UiTM. Seiring dengan penganjuran Hari Pentadbir di seluruh Universiti Awam, sambutanannya di peringkat UiTM dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar dan Ketua-Ketua Skim Perkhidmatan dengan kerjasama Persatuan Pentadbir UiTM.

Seminar Pentadbir UiTM Tahun 2017 ini diadakan untuk menyambut Hari Pentadbir di peringkat UiTM, melancarkan Anugerah Pentadbir UiTM dan seterusnya menganjurkan Bengkel Pentadbir Gred 48 dan ke atas merentasi skim perkhidmatan di UiTM. Lantaran itu, Seminar Pentadbir UiTM bersempena Hari Pentadbir UA 2017 telah memilih "Revolusi Industri 4.0: Cabaran Pentadbir Universiti" sebagai tema untuk kali ini.

Majlis telah dirasmikan oleh Tan Sri Zarinah Anwar, Pro-Canselor UiTM diiringi oleh Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor. Tan Sri Zarinah turut membuat sesi perkongsian ilmu yang bertajuk 'Building Organisational Excellence'. Turut membuat pembentangan pada majlis tersebut ialah Datin Paduka Ir Dr Siti Hamisah Tapsir, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dari Kementerian Pendidikan Tinggi yang bertajuk 'Malaysia Higher Education 4.0'.

Pada sebelah petang majlis diteruskan dengan Taklimat Industri 4.0: Skill Set Pentadbir UiTM yang telah disampaikan oleh Puan Azida Azmi, Pendaftar UiTM. Dengan adanya seminar ini para pentadbir dapat memahami Industri 4.0 dan kesannya kepada Pentadbir Universiti dan dapat mengenalpasti *critical skillset* bagi para pentadbir mengikut keperluan Industri 4.0.

Seminar Pentadbir UiTM 2017 dan Pelancaran **Anugerah Pentadbir UiTM**



Konsep, Rekabentuk & Terbitan
Bahagian Canseleri Dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor